

Nama Suratkhobar : Kosmo

Tarikh : 5 Mei 2015 (Selasa)

Mukasurat : 8

Pelancaran *Hikayat Misa Melayu* refleksi ketokohan Sultan Perak

IPOH - Pelancaran *Hikayat Misa Melayu* oleh Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena istiadat pertabalan Sultan Perak ke-35 disifatkan sebagai satu bentuk refleksi terhadap kecenderungan serta ketokohan baginda dalam dunia akademik dan keilmuan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri

Ahmad Shabery Cheek berkata, ia adalah sejajar dengan kajian ahli sejarah bahawa hikayat itu telah mendokumentasi zaman emas Kesultanan Perak Darul Ridzuan.

"Mudah-mudahan pelancaran *Hikayat Misa Melayu* akan dapat menarik minat yang lebih luas dalam kalangan generasi muda

Melayu untuk mengenali dengan lebih dekat sejarah jati diri mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Pameran Koleksi Gambar, Setem Hari Pertama dan *Hikayat Misa Melayu* bersempena pertabalan Sultan Perak ke-35 di Dewan Bandaran Ipoh di sini semalam. - Bernama



SULTAN NAZRIN SHAH diiringi Ahmad Shabery (kiri) melawat pameran foto selepas majlis perasmian Pameran Koleksi Gambar, Setem Hari Pertama dan *Hikayat Misa Melayu* sempena istiadat pertabalan Sultan Perak ke-35 di Dewan Bandaran Ipoh semalam.